



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA  
JABATAN PERPADUAN NEGARA  
DAN INTEGRASI NASIONAL

## TEKS UCAPAN

YB DATUK AARON AGO DAGANG  
MENTERI PERPADUAN NEGARA

SEMPENA

MAJLIS PENUTUP  
PROGRAM JALINAN INTEGRASI NASIONAL  
MAHASISWA TAHUN 2023

6 OGOS 2023 (AHAD)

2.00 PETANG

NANGA TADA, KANOWIT, SARAWAK

**Selamat Pagi, Salam Sejahtera, Salam Perpaduan dan  
Salam Malaysia MADANI.**

Terima kasih saudara Pengacara Majlis.

## **SALUTASI**

*\*Salutasi terkini disediakan secara berasingan*

## **PENDAHULUAN**

1. Pertama sekali, marilah kita panjatkan rasa syukur kerana dapat berkumpul bersama bagi **Majlis Penutup Program Jalinan Integrasi Nasional Mahasiswa Tahun 2023**. Saya ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan kepada KRT Nanga Tada Zon 1, 2, 3, 4 dan 5, Komuniti Rumah Panjang serta penduduk di kawasan Nanga Tada atas kesudian menjadi tuan rumah bagi penganjuran program **Jalinan Integrasi Nasional Mahasiswa Tahun 2023**. “ Terima Kasih ngagai bala kita semua”.
  
2. Saya juga ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada pihak **Universiti Putra Malaysia (UPM) Kampus Bintulu dan Institut Pendidikan Guru Kampus Rajang, Sarawak** kerana telah menghantar para mahasiswa yang bersemangat dan komited dalam menjayakan program yang berlangsung selama 5 hari dan 4 malam ini.

## **MEMBANGUN MALAYSIA MADANI MELALUI WADAH PERPADUAN**

Hadirin yang saya hormati,

3. Seperti semua sedia maklum, Malaysia MADANI yang diperkenalkan oleh YAB Perdana Menteri merupakan satu iltizam dan satu hala tuju baharu Kerajaan dalam usaha mewujudkan negara yang stabil, makmur, sejahtera dengan mengetepikan perbezaan dan mengamalkan toleransi dalam kemajmukan kaum di negara ini.
  
4. Pemupukan sikap toleransi, saling hormat dan berkasih sayang antara sesama insan adalah asas yang perlu disemai oleh setiap individu sejak kecil dan perlu disuburkan lagi terutamanya dalam kalangan generasi muda yang merupakan pelapis kepimpinan negara.
  
5. Bagi membentuk persefahaman dan kesepaduan memerlukan agen penggerak yang berdedikasi untuk terus membawa aura positif untuk merapatkan anggota masyarakat. Kepentingan golongan belia tidak dapat disangkal lagi kerana anda semua merupakan salah **satu ejen kepada perubahan dalam misi membentuk sebuah negara yang berupaya dan berintegrasi.**

6. Semangat, kudrat, optimisme dan kreativiti orang muda dikatakan mempunyai kuasa luar biasa untuk mengubah masa depan negara menjadi lebih baik. Saya amat berharap agar **golongan belia dapat menjadi adiwira dalam mengukuhkan dan menyuburkan semangat perpaduan.**
7. Dalam sedar ataupun tidak, golongan belia kini merupakan kelompok terbesar dalam populasi masyarakat di Malaysia yang turut memainkan peranan signifikan dalam komuniti setempat. Sehingga hari ini, terdapat **seramai 5892 Kelompok Jiran Muda KRT manakala 188 buah Sekretariat Rukun Negara (SRN)** di bawah naungan Kementerian Perpaduan Negara.
8. Oleh itu, saya menyeru agar semua anak muda yang hadir pada hari ini dapat **melibatkan diri sebagai Jiran Muda KRT atau melalui platform SRN supaya dapat menjadi agen perpaduan negara.** Saya optimis pendekatan melalui program seperti ini mampu menarik lebih ramai golongan muda untuk kembali aktif bersama KRT.

## **PROGRAM JALINAN INTEGRASI NASIONAL MAHASISWA**

### **TAHUN 2023**

Hadirin yang saya hormati,

9. Program jalinan integrasi seperti ini mampu menjadi wadah terbaik untuk memupuk dan menyemarak semangat perpaduan dalam kalangan rakyat pelbagai kaum. Usaha memartabatkan pemikiran golongan belia turut jelas kelihatan melalui program ini yang bertemakan '**Warisan Melestarikan Perpaduan**'.
10. Justeru, pelaksanaan program ini diharapkan dapat menjadi **platform pengukuhan interaksi sosial** dalam usaha meningkatkan integrasi nasional melalui peningkatan penghayatan adat budaya serta warisan masyarakat kita yang terdiri daripada pelbagai kaum. Setiap daripada kita khususnya golongan belia mempunyai peluang yang sama dalam membantu **Kerajaan membentuk negara bangsa yang makmur dan progresif**.
11. Menyedari hakikat ini, Kementerian Perpaduan Negara akan melaksanakan pelbagai inisiatif seperti **Explorasi Rukun Negara, Debat Perpaduan, Pantun Perpaduan, Simposium Pendidikan Rukun Negara** dan sebagainya

bagi meningkatkan kesedaran generasi muda untuk menghayati kepentingan perpaduan antara kaum.

## **PENUTUP**

Hadirin yang saya kasihi sekalian,

12. Semoga program Jalinan Integrasi Nasional Mahasiswa Tahun 2023 ini mencapai matlamat dan dapat membentuk **generasi mahasiswa yang memiliki literasi tentang perpaduan** seterusnya berupaya meningkatkan ciri-ciri kepimpinan.
13. Permuafakatan dengan menerima dan saling bertolak ansur sesama etnik sangat penting kerana ia akan mewujudkan keadaan saling memahami tanggungjawab anggota masyarakat mengekalkan keadaan yang tenang serta harmoni. **Generasi muda atau belia harus berada di barisan hadapan “ Segulai Sejalai” dalam memperkuuh perpaduan.**
14. Akhir kata, saya dengan sukacitanya ‘**merasmikan penutupan program Jalinan Integrasi Nasional Mahasiswa Tahun 2023**’.

Sekian, terima kasih.